



**Shahrizat (tiga dari kanan) beramah mesra dengan peserta** Persidangan Kemuncak Antarabangsa Kepimpinan Wanita dalam Kejuruteraan di Kuala Lumpur, semalam.

**Info**

**WIE**

- Sidang dua hari diadakan di Malaysia sebagai wakil Asia Pasifik.
- Bertujuan memajukan kecemerlangan dalam mempromosi jurutera dan saintis wanita.
- Lebih 100 peserta tempatan dan luar negara, antaranya Australia dan Singapura.

# Graduan tak minat, skop kerja macam lelaki

BA 1/17 MS 33

→ Isu kesaksamaan gender harus diselesaikan

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof dan Fatin Hafizah Mohd Shahr**  
bhnita@bh.com.my

▶ Kuala Lumpur

Jumlah wanita yang terabit dalam sektor teknikal dan kejuruteraan masih rendah, iaitu 30 peratus berbanding lebih 70 peratus termasuk graduan wanita setiap tahun di institusi pengajian tinggi di negara ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir, berkata keciciran wanita dalam sektor pekerjaan berpunca daripada kegagalan graduan dan majikan sendiri.

Katanya, hampir setiap tahun ribuan lepasan universiti dalam kalangan wanita, tetapi daripada jumlah itu hanya 70,000 mendaftar sebagai jurutera.

“Ada graduan jurusan kejuruteraan tidak berminat dengan persekitaran dalam industri itu yang memerlukan mereka kerap kerja di luar.

“Majikan pula menawarkan skop kerja yang memerlukan

wanita memanjat dan berpanas di lokasi projek seperti lelaki.

“Saya melihat angka yang tiris ini sebagai kerugian, bukan saja kepada graduan, tetapi negara kerana mereka berpendidikan tinggi,” katanya ketika menghadiri Sidang Kemuncak Antarabangsa Kepimpinan Wanita dalam Kejuruteraan (WIE), di sini, semalam.

Majlis itu yang bertemakan ‘Memperkasa, Inspirasi dan Hasrat’, dirasmikan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

**Landasan peringkat global** WIE yang dianjurkan oleh Institut Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (IEEE) menyediakan landasan peringkat global bagi melengkap pembangunan profesional wanita berkerjaya dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Dr Siti Hamisah berkata, ramai graduan wanita beralih arah menyertai sektor pekerjaan lain seperti perbankan dan pendidikan yang dianggap lebih sesuai dengan keinginan mereka.

Katanya, kerajaan menyediakan persekitaran pendidikan bersesuaian untuk wanita seperti pelaksanaan *blue print* yang menyediakan lapan domain dalam pengajian termasuk kemahiran sendiri membantu mereka bersedia menceburkan diri dalam bi-



**Ramai graduan wanita beralih arah menyertai sektor pekerjaan lain seperti perbankan dan pendidikan yang dianggap lebih sesuai dengan keinginan mereka”**

**Siti Hamisah Tapsir,**  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

dang kejuruteraan.

“Dalam isu pecah siling kaca, dunia kejuruteraan masih sukar dicapai kerana pada peringkat tertinggi masih diungguli lelaki.

“Hanya 17 wanita dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi yang bekerja di 100 syarikat besar di negara ini sahaja dilantik sebagai lembaga pengarah,” katanya.

Peningkatan jumlah wanita sebagai lembaga pengarah, agak sukar dicapai kerana tidak ramai yang terabit dalam bidang itu.

**Kurang kemudahan**

“Kekurangan kemudahan dan tiada waktu kerja anjal membuatkan wanita memilih untuk meninggalkan skop kerja itu bagi membolehkan mereka menguruskan keluarga,” katanya.

Sementara itu, Shahrizat berkata, kajian Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), tahun lalu, di rantau Asia Pasifik hampir 75 peratus lelaki mendominasi bidang berkenaan berbanding 25 peratus wanita.

“Di Malaysia, 71 peratus lelaki mendominasi bidang STEM, justeru kita seharusnya menggalakkan lebih ramai wanita menyertai bidang sama.

“Sudah sampai masanya kita ketepikan isu gender kerana mahu menonjolkan wanita sebagai idola dalam bidang ini,” katanya.